

## KOD TINGKAHLAKU TEMPAT KERJA

Pakatan Industri *Pakaian* telah menangani isu-isu berkaitan dengan penghapusan tempat kerja yang membayar gaji rendah di Amerika Syarikat dan negara-negara luar. Berasaskan pemeriksaan hal ini ini, Pakatan telah menggubal set piawaian berikut bagi mendefinisikan keadaan-keadaan kerja yang baik (boleh diterima) dan berperikemanusiaan. Pakatan percaya bahawa pengguna-pengguna boleh mempunyai keyakinan bahawa produk-produk dikeluarkan dengan mematuhi piawaian-piawaian ini dan tidak dihasilkan dalam keadaan-keadaan yang eksploitatif atau tidak berperikemanusiaan.

Buruh Paksa. Tidak dibenarkan sama sekali menggunakan buruh paksa, sama ada berbentuk buruh banduan, buruh kontrak/perantis, buruh yang dibon atau sebaliknya.

Buruh Kanak-Kanak. Tidak dibenarkan sama sekali sebarang individu yang diambil bekerja berumur kurang daripada 15 tahun (atau 14 tahun di mana undang-undang negara pengeluar<sup>8</sup> membenarkan) atau kurang daripada umur yang ditetapkan bagi menamatkan pendidikan wajib di negara pengeluar di mana umurnya adalah lebih daripada 15 tahun.

Gangguan atau Deraan. Setiap pekerja hendaklah dilayan dengan penuh hormat dan kemuliaan. Tidak ada mana-mana pekerja terdedah kepada sebarang bentuk gangguan atau deraan fizikal, seksual, psikologikal atau lisan.

Tiada Diskriminasi. Tidak akan ada mana-mana pekerja terdedah kepada sebarang bentuk diskriminasi dalam pekerjaan, termasuklah pengambilan bekerja, gaji, faedah-faedah, kenaikan pangkat, disiplin, pemberhentian atau persaraan, dengan berasaskan jantina, kaum, agama, umur, kekurangupayaan, orientasi seks, kewarganegaraan, pandangan politik, atau asal usul sosial atau etnik.

Kesihatan dan Keselamatan. Para majikan akan menyediakan persekitaran pekerjaan yang selamat dan sihat bagi mengelakkan kemalangan serta kecederaan kepada kesihatan yang timbul daripada, mempunyai perkaitan, atau berlaku semasa proses melakukan kerja atau akibat daripada pengoperasian peralatan-peralatan milik majikan.

Kebebasan Berpersatuan dan Tawar-Menawar Kolektif. Para majikan hendaklah memperakukan serta menghormati hak pekerja bagi kebebasan berpersatuan serta tawar-menawar kolektif.

Gaji dan Faedah-Faedah. Majikan memperakukan bahawa gaji amat perlu bagi memenuhi keperluan-keperluan pekerja. Majikan akan membayar gaji pekerja, sebagai gaji paling asas, sekurang-kurangnya gaji minimum yang diperuntukkan oleh undang-undang tempatan atau gaji industri sedia ada, yang mana lebih tinggi, dan akan menyediakan faedah-faedah yang ditentukan oleh undang-undang.

---

<sup>8</sup> Semua rujukan kepada undang-undang tempatan dalam keseluruhan Kod ini adalah termasuk peraturan-peraturan yang dilaksanakan mengikut undang-undang tempatan yang berkaitan.

Jumlah Jam Bekerja. Kecuali dalam keadaan-keadaan yang luar biasa, pekerja-pekerja (i) tidak akan diperlukan bekerja lebih daripada (a) 48 jam seminggu dan 12 jam kerja lebih masa atau (b) had-had kerja biasa dan kerja lebih masa yang dibenarkan oleh undang-undang negara pengeluar atau, di mana undang-undang negara seumpamanya tidak menetapkan jumlah jam bekerja, minggu kerja biasa negara berkenaan ditambah dengan 12 jam kerja lebih masa, yang mana lebih kurang, dan (ii) layak mendapat paling kurang satu hari cuti bagi setiap tempoh tujuh hari bekerja.

Bayaran Lebih Masa. Sebagai tambahan kepada bayaran bagi kerja masa biasa, para pekerja akan dibayar bagi kerja lebih masa pada kadar premium seperti yang ditentukan oleh undang-undang negara pengeluar atau, di negara-negara yang tidak wujud undang-undang berkenaan, pada kadar sekurang-kurangnya sama dengan kadar bayaran kerja biasa mereka.

\* \* \*

Mana-mana Syarikat yang bersetuju untuk menerimapakai Kod Tingkahlaku Tempat Kerja akan, sebagai tambahan kepada mematuhi semua undang-undang yang digunapakai di negara pengeluar, mematuhi dan menyokong Kod Tingkahlaku Tempat Kerja bersesuaian dengan Prinsip-Prinsip Pemantauan yang dilampirkan dan akan menggunakan piawaian yang lebih tinggi dalam kes-kes perbezaan atau konflik. Mana-mana Syarikat yang bersetuju menerimapakai Kod Tingkahlaku Tempat Kerja ini juga akan memastikan para pemegang lesennya dan para kontraktor dan, dalam kes seorang peruncit, para pengedarnya perlu mematuhi undang-undang tempatan yang diterimapakai serta Kod ini menurut Prinsip-Prinsip Pemantauan yang dilampirkan dan menggunakan piawai yang lebih tinggi dalam kes-kes perbezaan atau konflik.